

PEMBINAAN TEORI TEKSDEALISME DAN PENELITIAN TERHADAP KARYA PUISI KONKRIT

MOHD SAIPUDDIN SULIMAN* SHAHRUN NIZAL MOHD NOR**

NORDIANA AB JABAR***

NORAZIMAH ZAKARIA****

LIM YING XUAN*****

AFIDATUL SYAZWANI AFANDI*****

saipuddin.s@umk.edu.my*, shahrn@dbp.gov.my **, nordiana.aj@umk.edu.my***, norazimah@fbk.upsi.edu.my****, yxlim@sc.edu.my*****, afidatul@umk.edu.my*****

Abstrak

Makalah ini menekuni dimensi penciptaan teori teksdealisme menerusi aspek dasar pembangunan teori, rangka dasar teori serta pengaplikasian teori dalam karya sastera. Berikutnya, penelitian dibuat berdasarkan puisi konkrit Tri-V (verbal-vokal-visual) ciptaan Abdul Ghafar Ibrahim (AGI). Kajian ini mengaplikasi kaedah kualitatif berdasarkan teknik analisis kandungan (content analysis). Kaedah ini dipilih berikutan bersesuaian dengan teknik pengumpulan dan analisis data bersandarkan kepada teks yang dikaji. Dapatan kajian mendapati teori teksdealisme berfungsi dalam mengidentifikasi karya dan penyair yang unggul. Didapati prinsip teori ini selari dengan horizon kepenyairan AGI yang cuba keluar daripada belunggu konvensional dan mencipta inovasi baharu bagi mewarnai jagat sastera tanah air. Diharapkan makalah ini dapat menjadi rujukan kepada pengkaji lain, pengkritik dan para pelajar aliran sastera yang ingin memanfaatkan teori teksdealisme dan pada masa yang sama mencipta pembaharuan dan inovasi dalam penciptaan puisi.

Kata Kunci: puisi konkrit, Tri-V AGI, teori teksdealisme

Dihantar: 17 Disember 2022

Disemak: 06 Februari 2023

Diterbit: 31 Mac 2023

* Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

** Pegawai Perancang Bahasa, Dewan Bahasa & Pustaka, Malaysia

*** Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

**** Prof. Madya, Fakulti Bahasa & Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

***** Pensyarah Kanan, Southern University College, Malaysia

***** Pensyarah, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



CONSTRUCTIVE THEORY OF TEXTDEALISM AND ITS APPLICATION TO CONCRETE POETRY

MOHD SAIPUDDIN SULIMAN* SHAHRUN NIZAL MOHD NOR**

NORDIANA AB JABAR***

NORAZIMAH ZAKARIA****

LIM YING XUAN*****

AFIDATUL SYAZWANI AFANDI*****

saipuddin.s@umk.edu.my*, shahrn@dbp.gov.my **, nordiana.aj@umk.edu.my***,
norazimah@fbk.upsi.edu.my****, yxlim@sc.edu.my*****, afidatul@umk.edu.my*****

Abstract

This paper explores the dimensions of textdealism theory creation through the basic aspects of theory development, a framework, and the application of theory in literary works. The research is based on Tri-V (verbal-vocal-visual) concrete poetry pioneered by Abdul Ghafar Ibrahim (AGI). This study applies qualitative method based on content analysis techniques. This approach was chosen due to its compatibility with the data collection and analysis techniques based on the text being studied. According to the findings, the textdealism theory is effective in identifying excellent poetry and poets. It was found out that this theoretical principle parallels with the horizon of AGI's poetry, which attempts to break out of the shackles of conventional and create new innovation to add much beauty to the literary world of the homeland. It is hoped that this paper can be a reference for other researchers, critics and literary studies majors who wish to utilize the theory along with renewal and innovation in the creation of poetry.

Keywords: concrete poetry, Tri-V AGI, textdealism theory

Submitted: 17 December 2022

Revised: 06 February 2023

Published: 31 March 2023

* Senior Lecturer, Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

** Language Planning Officer, Dewan Bahasa & Pustaka, Malaysia

*** Senior Lecturer, Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

**** Associate Profesor, Fakulti of Languages & Communication, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

***** Senior Lecturer, Southern University College, Malaysia.

***** Lecturer, Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



1.0 Pendahuluan

Kajian ini meneliti teori teksdealisme berdasarkan aspek pembangunan teori, rangka dasar teori dan kaedah pengaplikasian teori dalam karya sastera. Seterusnya, penganalisan dibuat terhadap puisi-puisi konkrit Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim (AGI). Ismail Abdullah (2006:06) mengutarakan pendapat bahawa AGI bukanlah seniman melankolik tetapi beliau ialah seniman yang realistik yang peka dengan persekitaran budaya hidup dan pengalaman seni hariannya.

AGI ialah penyair yang muncul secara sederhana pada dekad 1960-an dan berkembang dengan caranya yang tersendiri pada dekad kemudian. Beliau hadir ke dalam dewan perpuisian kira-kira serentak dengan Ahmad Sarju, Sabar Bohari, Rejab F.I, Latif Mohidin, T. Alias Taib, Baha Zain, Kemala dan A. Wahab Ali. Antara penyair dalam barisan sezaman itu, ada yang berubah maju dan ada yang kekal di tahap lama. AGI ialah penyair yang memikirkan pembaharuan sejak zaman awal kemunculannya (Rahman Shaari, 2002:16).

S.Jaafar (1986:03) mendapati, AGI adalah penyair pertama yang bertanggungjawab menteatarkan puisi dan membaca puisi secara teaterikal. Eksperimen beliau ialah menggabungkan atau menghubungkan berbagai-bagai media seperti tarian, seni silat, muzik, seni halus dan sebagainya ke dalam satu persembahan yang audio-visual.

Hasil daripada penelitian puisi konkrit Tri-V berlandaskan teori teksdealisme ini dapat memberikan rumusan cara sesebuah puisi itu dapat mencapai tahap keunggulan menerusi jalinan empat prinsip dalam teori teksdealisme iaitu kehadiran, pelanggaran, penguksuhan dan individualisme.

2.0 Sorotan Kajian

Bahagian sorotan literatur ini memfokuskan idealisme penteorinya Mana Sikana berkenaan aspek pembangunan teori, rangka dasar teori dan kaedah pengaplikasian teori teksdealisme. Sementara itu, kajian-kajian pengkaji lain turut disisipkan bagi menjelaskan lagi kaedah pengaplikasian teori ini.

2.1 Dasar Pembangunan Teori

Idealisme penciptaan teori teksdealisme dicetuskan oleh Abdul Rahman Napiah yang lebih dikenali dengan nama Mana Sikana. Sebelum terbinanya teori ini, beliau telah meneliti teori puitika sastera Melayu yang dicipta oleh Muhammad Haji Salleh secara holistik dan rinci. Seterusnya beliau turut mencerna gagasan Hashim Awang yang mewujudkan teori pengkaedahan Melayu.

Menurut Mana Sikana (2009a:490), sesebuah teori boleh terbina mengikut gejala atau gelombang sastera, menelaah sekian teks-teks ikonikal untuk dicirikan teorinya, atau menyusun apa yang perlu dilakukan dalam sastera untuk masa hadapan lalu dibina sesebuah teori untuknya. Dalam sesebuah teori harus ada ilmu nilai, ilmu normatif dan ilmu hukum.

Ali Ahmad (1976:43) berpendapat Mana Sikana banyak menekuni teks-teks tokoh inteligensia dunia yang sarat dengan ideologi serta pemikiran lintas



meninggalkan impak yang besar dalam dirinya lalu mendorong beliau untuk mencipta sebuah teori baharu bagi diapresiasi oleh penyelidik mahupun pengkritik sastera.

Dapat dirumuskan, sesebuah teori bermula dengan satu idea, pemikiran, gagasan dan falsafah. Kemudian, teori dibina kerana adanya masalah yang wujud dalam persuasanaan teks kanon. Tanpanya, tidak akan tercipta puitikanya dan terdapat pengkaji lepas yang menolak teori tanpa rujukan sedemikian. Akhir sekali, proses penciptaan teori mengembang dan berkembang sepertimana teori teksdealisme yang banyak diapresiasi oleh pengkaji dan pengkritik sastera dewasa ini.

2.2 Teori Sastera Teksdealisme (1992)

Falsafah teori teksdealisme mengutarakan supaya setiap penyair mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya bagi mencapai tahap keunggulan. Dalam usahanya menghasilkan sebuah teks yang unggul, seseorang penyair itu harus memiliki sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian membawa erti usaha berani penyair dalam mengemukakan kepada khalayak satu idea dan pemikiran baharu. Ia juga merujuk kepada kesediaan penyair dalam melakukan inovasi dan pembaharuan dalam karya sasteranya.

Berdasarkan kajian Rohizani Yaakub pada tahun 1996 menerusi tesis yang bertajuk “Drama-Drama Ismail Kassan: Satu Analisis Teksdealisme” mendapati keunggulan karya Ismail Kassan bertunjangkan teori teksdealisme. Pengkaji menganalisis karya Ismail Kassan menerusi prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Kajian ini menunjukkan bahawa drama-drama Ismail Kassan kaya dengan unsur kejutan, konflik serta monolog. Unsur-unsur ini merupakan perbezaan yang cuba ditonjolkan oleh Ismail Kassan lantas mengangkat ciri individualisme yang terdapat dalam diri Ismail Kassan sekaligus melengkapi prinsip teori teksdealisme.

Seterusnya, teori teksdealisme ada dimanfaatkan oleh Rajiee Abdul Hadi pada tahun 1998 untuk menganalisis karya T. Alias Taib. Kajian beliau bertajuk “Kepengarangan T. Alias Taib: Suatu Kajian Teksdealisme” ini menggunakan teori teksdealisme untuk diaplikasikan dalam aspek kepengarangan T. Alias Taib. Subjektiviti yang dikaji adalah sajak-sajak keindahan yang dicipta oleh T. Alias Taib. Pengkaji mendapati kebanyakan puisi T. Alias Taib amat memelihara penggunaan tatabahasa. T. Alias Taib berpendapat puisi tidak seharusnya lepas bebas daripada tatabahasa Melayu yang dilihatnya amat sempurna.

Demikian pula kajian yang dilakukan oleh Hajijah Jais pada tahun 2004 bertajuk “Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan Terhadap Teori Teksdealisme”. Hasil kajian ini mendapati Anwar Ridhwan merupakan pengarang yang kaya dengan pengalaman yang pelbagai dan diadun dengan penuh ketelitian dalam karya-karyanya. Pelanggaran dilakukan dari segi watak dan budaya kekampungan dalam novel-novel Anwar Ridhwan dan yang lebih ketara dalam teknik penulisan apabila beliau menghasilkan karya eksperimental.



Menggunakan teori teksdealisme sebagai landasan penelitian kepada sesuatu karya sastra berarti membuat analisis puisi sebagai penelitian peringkat awal. Walaubagaimanapun, kehadiran penyair dan khalayak tetap berperanan sebagai pelengkap kepada aplikasi teori ini. Hal ini adalah kerana, teori ini menegaskan bahawa penilaian terhadap sesebuah karya sastra itu harus berpaksikan tiga faktor iaitu penyair, puisi dan khalayak.

2.3 Prinsip Kehadiran

Konteks prinsip kehadiran dalam teori teksdealisme boleh diidentifikasi sebagai proses berterusan dan terus menerus berlangsung dari permulaan berkarya melalui dimensi pembentukan idea hingga sebelum penulisan karya itu disudahkan. Kehadiran dalam diri penyair terkesan berdasarkan cetusan dan rencam idea menerusi gawang pemikiran atau fakulti akalinya. Idea-idea tersebut akan melarik penceritaan bagi sesebuah puisi dan berlaku secara terus-menerus dalam proses penciptaan seseorang penyair.

Shahnon Ahmad (1994:117) menyatakan bahawa teks adalah pengalaman insan yang diproses oleh sasterawan dengan penuh tanggungjawab, penuh dengan saranan dan cabaran untuk dialami oleh insan pembaca; malah untuk diproses lagi oleh pembaca melalui kefahaman.

Mohd Rosli Saludin (2007:02) mempunyai sejalur pandangan dengan prinsip kehadiran dalam teori teksdealisme. Beliau menyatakan bahawa :

Menerusi puisi-puisi, kita dapat meminjam mata, telinga, perasaan, jiwa bahkan pengalaman penyampai yang membolehkan kita melihat di sebalik yang kelihatan. Dalam hal ini, ternyata soal memandang dan memperkatakan sesuatu objek, golongan penyampai lebih istimewa daripada kita semua.

2.4 Prinsip Pelanggaran

Pelanggaran dapat diertikan sebagai proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan serta kesegaran dalam berkarya. Ia sebagai suatu orientasi bagi mengecap keunggulan. Setiap penyair akan memperbaharui setiap formulasi teks yang ditukangnya. Sifat pembaharuan, eksperimental dan pemantapan inilah yang mendorong kelahiran teks-teks moden, pascamoden, avant-garde, arriregarde dan sebagainya (Mana Sikana, 2006:114).

Prinsip pelanggaran berperanan untuk menjadi paksi penanda aras atau kayu ukur bagi menunjukkan kesedaran penyair terhadap penciptaan karya-karya yang unggul dalam memperlihatkan taraf inteligensia kepenyairannya. Di samping itu, prinsip ini turut memainkan peranan dalam mendayagunakan erti serta makna dalam sesebuah puisi yang kadangkala tertanam nilai falsafah mahupun pemikiran. Prinsip pelanggaran ini harus wujud dalam setiap diri penyair serta puisi yang direkayasa bagi mencapai tahap unggul.



2.5 Prinsip Pengukuhan

Mana Sikana (2009b:127) menegaskan bahawa pengukuhan bermaksud suatu permatangan puisi oleh seorang penyair demi menghasilkan teks yang terunggul. Pengukuhan ke atas puisi dilakukan kerana adanya hasrat, harapan, keinginan dan cita-cita melahirkan karya yang unggul dan unik. Pendek kata, karya tersebut semestinya jauh lebih baik dan berkesan daripada karya-karya yang telah dihasilkan sebelumnya, sama ada lebih baik daripada karya sendiri atau karya orang lain.


Mendepani aspek pengukuhan, karya yang dicipta perlu lebih mantap daripada karya yang sebelumnya. Beberapa fragmen perlu dinilai dan diambil kira seperti aspek kekritisannya dari segi unsur yang menafasi puisi, konteks, peranan dan fungsinya kepada pembaca mahupun jagat sastera itu sendiri. Hasil daripada pengukuhan, seseorang penyair itu perlu konsentrasi dan berusaha keras melakukan penyelidikan dan pengejapan terhadap karya-karya ciptaannya agar puisi yang terhasil lebih bermutu dan berumbi peranan sama ada buat diri sendiri mahupun lapisan pembaca.

2.6 Prinsip Keperibadian / Individualisme

Konsep individualisme merujuk kepada stail kepenyairan seseorang penyair. Individualisme merupakan ciri atau refleksi yang membezakan seorang penyair itu dengan penyair lain. Perkara ini terkesan menerusi subjek dan ideologi yang sering diangkat dan didukungnya menerusi cakerawala minda penyair. Dalam prinsip ini, jati diri penyair dapat dilihat melalui pemaparan identiti yang akhirnya melambangkan tahap keperibadian seseorang penyair itu.

Menurut Rimke (2000:61) “...the principle of individuality entails self-help modification and improvement.” Berdasarkan kajian lepas Rimke ini, beliau melihat konsep individualisme melibatkan usaha penyair sendiri dalam meningkatkan mutu karya masing-masing seperti membuat pengubahsuaian agar dapat mencipta kemajuan dalam berkarya. Pandangan Rimke ini selari dengan pendapat Mana Sikana (2006:145) melihat proses individualisasi akan membawa seseorang penyair mencapai taraf yang disebut sebagai *individual author*. *Individual author* serupa dengan istilah *authorship*. Individualisme dapat dikesan daripada usaha penyair mencuba dan meneroka untuk mencari sesuatu corak pengkaryaan baharu agar terserlah penjatidirian dan kepenyairannya.





Rajah 1: Landasan Teori Teksdealisme

3.0 Permasalahan Kajian

Kebanyakan puisi konkrit Tri-V sukar untuk difahami pemaknaannya berikutan sebahagian besar bait puisi Tri-V berbentuk konkrit. Hal ini merupakan perkara pokok dalam permasalahan kajian ini dan segenap parameter kesukaran bagi merungkai cetusan makna dalam puisi konkrit AGI akan cuba dirungkai berdasarkan pengaplikasian teori teksdealisme ke dalam puisi konkrit ciptaannya.

Sementara itu, sebelum seseorang pengkaji ingin memanfaatkan sesebuah teori, seharusnya pengkaji tersebut benar-benar memahami pembinaan sesebuah teori agar pengaplikasian dapat dibuat dengan tepat dan sistematik. Justeru, makalah ini turut menerangkan secara ringkas berhubung pembangunan teori teksdealisme agar dapat dirujuk oleh pengkaji pemula lantas dapat mengelakkan kesalahtafsiran terhadap pemakaian prinsip-prinsip teori teksdealisme.

4.0 Analisis dan Dapatan Kajian

Setelah meneliti dasar pembangunan teori serta memahami rangka dasar teori teksdealisme, maka pengaplikasian teori teksdealisme dalam karya konkrit A. Ghafar Ibrahim (AGI) dilakukan. Penganalisan dibuat berdasarkan kepada karya yang terpilih menerusi kumpulan puisi Tan Sri Bulan, Tak Tun dan Yang Yang. Secara jelasnya, latar belakang kehidupan seseorang penyair mempunyai pengaruh yang besar dalam mencorakkan kanvas kepenyairannya. Demikian halnya jika mengenali seseorang tokoh dengan hanya sekadar mengetahui nama dan kegiatannya sahaja tidak mencukupi kerana apabila mengkaji pemikiran tokoh samalah halnya dengan memasuki ke dunia tokoh tersebut dan menghayati alam penghidupannya.



4.1 Prinsip Kehadiran dalam Puisi Tri-V

Sebagai seorang seniman, kebebasan merupakan manifestasi hidup yang menjadi wadah utama AGI. Kadangkala lebih cenderung hidup bebas dan tidak terikat serta kebekuan. Beliau tidak suka diarah atau dipaksa kerana melalui kebebasan maka terhasil disiplin diri dan terus menerus berusaha mencari cara yang sesuai untuk meluahkan renung fikir yang diilhami atau yang digeluti. Menerusi daya rasa kebebasan ini juga beliau menukil karya kreatif berdasarkan cakerawala minda tersendiri (Mohd Saipuddin Suliman, 2016:04).

Perjuangan setiap penyair adalah untuk mengangkat karya masing-masing ke tingkat kesenian yang tertinggi dan untuk mencapai tahap ini, bukanlah sembarangan orang yang mampu menerobosi ruang lingkup tersebut. Maka dalam membicarakan wilayah kreativiti kepenyairan, di sinilah letaknya individu yang dinamakan penyair. Penyair akan membenihkan karyanya yang memiliki sifat-sifat tertentu dan membezakan dirinya dengan manusia biasa (Ahmad Kamal Abdullah, 1990:137).

AGI mempunyai stail, dogma dan rencam idea yang luas. Stail yang bukan ikut-ikutan dan bukan tiru-tiruan. Maka, di sinilah terpancar kelainan yang tertanam dalam daya fikir diri beliau. Ismail Abdullah (2006:06) mengutarakan pendapat bahawa AGI bukanlah seniman melankolik tetapi beliau ialah seniman yang realistik yang peka dengan persekitaran budaya hidup dan pengalaman seni hariannya.

Mengambil contoh kumpulan puisi *Tan Sri Bulan*, AGI telah menggunakan pengalaman yang beliau miliki dengan memaparkan suasana yang berlaku sekitar tahun 70-an. Menerusi puisi "Gakgakgak", beliau mengemukakan imej binatang iaitu burung gagak yang tertindas kerana perlakuan manusia yang zalim. Pada pendapat mereka, gagak telah mengotorkan alam sekitar dan harus ditembak.


Suara penyair mewakili burung gagak yang juga inginkan kebebasan dan kedamaian. Kebebasan di sini dilambangkan melalui bentuk burung-burung yang berterbangan. Lambang sayap yang seolah-olah menggambarkan gerombolan gagak yang mengutuk niat buruk manusia terhadap mereka. Suara-suara cemuan gak-gak-gak-gakk-gakkk akkk-aaak kk pastinya mewakili ratapan gagak yang menjadi mangsa kekejaman manusia.



proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Pelanggaran akan menghasilkan puisi yang lebih baik bagi mencapai keunggulan. Jika diamati, puisi berjudul "Tan Sri Bulan" merupakan salah sebuah puisi Tri-V ciptaan AGI yang kaya dengan simbolis serta dinamik. Walaupun puisi ini dicipta sekitar tahun 1976, namun mempunyai rekayasa yang berevolusi serta tersulam dengan lapis tipis falsafah.


Puisi ini mengasosiasikan segenap penjuror serta ruang dan boleh dibaca dari mana-mana sudut sekalipun sama ada secara *vertical*, *horizontal* mahupun *diagonal*. Oleh yang demikian, pembacaan atau pendeklamasian puisi ini boleh ditelusuri menerusi enam fragmen kaedah pembacaan puisi "Tan Sri Bulan" seperti berikut:

1) Pembacaan puisi "Tan Sri Bulan" secara *vertical* (atas ke bawah) mengikut urutan nombor :



("Tan Sri Bulan", *Tan Sri Bulan*, 1976:22)

2) Pembacaan puisi "Tan Sri Bulan" secara *vertical* (bawah ke atas) mengikut urutan nombor :



("Tan Sri Bulan", *Tan Sri Bulan*, 1976:22)



3) Pembacaan puisi “Tan Sri Bulan” secara *horizontal* (kiri ke kanan) mengikut urutan nombor :

1	→	Tan Sri Bulan di angkasa lepas	
2	→	Bak bebung	
3	→	dengan kepak mengembang rancak	
4	→	dengan benang ingin bersenang	
5	→	kepak kompak	6 benang tegang
7	→	menyentak-nyentak	8 berenang-renang
9	→	baju nipis	10 dengung girang
11	→	menepis-nepis	12 ang-ngang-ngang-ngang
13	→	aung-ung-ung-ung	
14	→		nnggggggg
15	→	Tan Sri Bulan di angkasa lepas	
16	→		bak burung
17	→	berenang bebas	



(“Tan Sri Bulan”, *Tan Sri Bulan*, 1976:22)

4) Pembacaan puisi “Tan Sri Bulan” secara *horizontal* (kanan ke kiri) mengikut urutan nombor :


1	→	Tan Sri Bulan di angkasa lepas	
2	→	Bak bebung	
3	→	dengan kepak mengembang rancak	
4	→	dengan benang ingin bersenang	
6	→	kepak kompak	5 benang tegang
8	→	menyentak-nyentak	7 berenang-renang
10	→	baju nipis	9 dengung girang
12	→	menepis-nepis	11 ang-ngang-ngang-ngang
13	→	aung-ung-ung-ung	
14	→		nnggggggg
15	→	Tan Sri Bulan di angkasa lepas	
16	→		bak burung
17	→	berenang bebas	



(“Tan Sri Bulan”, *Tan Sri Bulan*, 1976:22)




5) Pembacaan puisi "Tan Sri Bulan" secara *diagonal* (kiri atas ke kanan bawah) mengikut urutan nombor :



("Tan Sri Bulan", *Tan Sri Bulan*, 1976:22)

6) Pembacaan puisi "Tan Sri Bulan" secara *diagonal* (kanan atas ke kiri bawah) mengikut urutan nombor :



("Tan Sri Bulan", *Tan Sri Bulan*, 1976:22)

Berdasarkan penelitian terhadap enam fragmen kaedah pembacaan puisi "Tan Sri Bulan", jelas sekali menunjukkan bahawa puisi ini boleh disulam jalin dan dideklamasikan dari segenap arah, sudut serta ruang. Meskipun jumlah perkataan dalam puisi ini agak terhad dan tidak seperti puisi konvensional lain yang kaya dengan perbendaharaan kata, namun puisi ini mampu mengangkat teknik baru dalam dunia perpuisian sekaligus mewarnai dunia sastra tanah air (Suliman & Saludin, 2015:50).

Integrasi pembacaan dari segenap arah ini merupakan idiosinkrasi AGI yang sering kali hadir dengan rancam idea yang unik dan pelbagai. Puisi "Tan Sri Bulan" merupakan salah sebuah karya Tri-V AGI yang mencetuskan pelanggaran yang kreatif, unik dan berani.

AGI cuba mengubah tradisi dengan mencipta karya Tri-V yang terdiri daripada verbal-vokal-visual. Verbal ialah isi puisi, vokal adalah bunyi puisi dan visual



merupakan teknik puisi. Kepenyairan beliau tidak lagi terikat kepada struktur konvensional. Dari segi gaya kepenyairan, persembahan deklamasi beliau cukup unik dan ini membuatkan penonton begitu tertarik serta ingin mengetahui apakah pemikiran yang cuba disampaikan oleh AGI dalam karya-karya yang beliau hasilkan.

Kesan pelanggaran itu tadi secara tidak langsung memaparkan keberanian AGI dalam meneroka kaedah penulisan yang berbeza daripada puisi-puisi sebelumnya. Hal ini dituntut dalam teori teksdealisme kerana kesannya akan menjadikan penyair bertambah matang dengan perubahan-perubahan yang terapar dalam puisi-puisi beliau yang lain.

4.3 Prinsip Pengukuhan dalam Puisi Tri-V

Pada prinsip pengukuhan, puisi AGI mempamerkan teknik penyampaian yang agak berbeza bagi menggambarkan kematangan beliau dalam berkarya. AGI membawa gaya yang lebih unik dan kental berbanding dengan penyair-penyair sezaman dengannya. Menerusi kumpulan puisi *Tan Sri Bulan*, AGI menonjolkan gaya puisi Tri-Vnya yang konkrit dan bermain dengan bentuk. Puisi-puisi dalam kumpulan puisi ini mendasari konsep Tri-V iaitu verbal, vokal dan visual.

Puisi-puisinya dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu sinemaskopis dan stereoponis. Bagi puisi sinemaskopis, beliau cuba melukiskan satu keadaan sehingga terlihat sebagai satu gambaran bagi mengangkat jalan cerita sesebuah puisi yang beliau hasilkan. Pada bahagian stereoponis pula beliau mencipta puisi-puisi yang lebih bermain dengan bunyi (Umar Junus, 1981:36).

Mohammad Daud Mohammad (1986:28) telah memberi komentar mengenai kumpulan puisi ini dengan menyatakan bahawa :

Melalui kumpulan puisi AGI iaitu *Tan Sri Bulan*, penyair telah melangkah ke alam konkrit yang sedang melanda dunia Eropah, sebagai dasar membangun struktur puisinya dengan bertitik tolak daripada akar kebudayaan Melayu dan alam semula jadi yang bersifat hakiki. Hal ini suatu yang wajar kerana puisi berupa suatu proses yang umum dan penting, suatu tenaga spiritual, dengan intelektual dan imiginasi sebagai terasnya. Kesedaran inilah yang tampak dalam puisi-puisi AGI yang menemui struktur konkrit dari luar dan kemudian dibawa dan diterapkan ke dalam puisi Melayu ciptaannya.

Jika diamati dalam kumpulan puisi *Tak Tun*, AGI telah mengukuhkan ciri-ciri kepenyairan Tri-V yang menggambarkan kesediaan bereksperimen dengan bentuk dan bahasa, humor, paradoks serta kemanusiaan yang dalam, lebih matang dan percaya kepada diri sendiri. Pada *Struga Poetry Evenings International Festival* yang ke-28 Macedonia, Yugoslavia, Haslina Ahmad telah mengulas dalam *Mingguan Wanita*, 29hb. September, 1989:32 :

Apabila orang di sana berperasaan bahawa kewujudan kita berlainan daripada



mereka, mereka ingin tahu kita dari negara mana. Apabila saya memberitahu mereka bahawa kita dari Malaysia, mereka menyeru dengan serta merta “*Oh! Tak Tun*”. Mereka teringat nama Malaysia melalui puisi “Tak Tun”.

Ini jelas menampakkan bahawa puisi “Tak Tun” telah terkenal hingga ke rantau lain yang mempunyai langgam yang tersendiri. Puisi “Tak Tun” dan “Dun Dun Cak Cak” juga telah dipersembahkan oleh beliau di Amerika Syarikat. Puisi “Tak Tun” sebenarnya merupakan persembahan baca puisi dengan silat serta diiringi dengan paluan kompang manakala “Dun Dun Cak Cak” ialah berdasarkan paluan gendang dan tarian Cak dari Bali.

AGI menyatakan bahawa mempertahankan puisi itu merupakan sebahagian daripada proses penciptaan puisi itu sendiri. Mempertahankan puisi itu adalah membetulkan yang sipi dan mengetengahkan yang menepi. Sehubungan dengan itu, beliau berpendapat bahawa ambiguiti dan misteri perlu digali dari diri puisi.

4.4 Prinsip Keperibadian / Individualisme Dalam Puisi Tri-V

Prinsip terakhir dalam teori teksdealisme merupakan kemuncak pencapaian seorang penyair. Mana Sikana (1998:325), mengutarakan bahawa setiap penyair haruslah berusaha untuk mencapai sifat keperibadian masing-masing dalam pengkaryaan. Berbicara tentang identiti, secara tidak langsung tiap-tiap orang dengan sedar atau tidak, mencari identitinya. Cuba menemukan kedudukan di tengah-tengah umat manusia lain, memastikan hubungan dengan alam semesta dan Tuhannya. Tiap-tiap orang cuba menentukan hubungan sosiologis, psikologis, sosial, politik, ekonomi dan spritual dengan peribadi-peribadi yang lain dalam masyarakat sekitar atau masyarakat serata dunia.

Lalu dalam pencarian identiti ini kita temui AGI dengan identitinya. Beliau meneroka puisi Tri-V sekaligus mempertahankannya. Ini adalah kerana beliau berpegang kepada konsepnya iaitu ingin perubahan dan tidak mahu mengulang apa yang telah dilakukan oleh penyair lain sebelum ini. Namun begitu menurutnya lagi, Tri-V telah berakar umbi sejak zaman dahulu lagi kerana apa yang dilakukannya bukanlah suatu yang asing.

Kejayaan sesebuah puisi itu lazimnya apabila kedua-dua aspek iaitu isi dan bentuk mempunyai kepaduan dan kepadatan. Tidak semestinya sesebuah puisi yang mempunyai isi yang penting itu dianggap berjaya jika ianya dicipta dengan bentuk yang lemah. Demikianlah hal yang sebaliknya sebuah puisi yang strukturnya baik tidak semestinya berjaya jika isinya amat lemah (Abdullah Tahir, 1977:05).

AGI mempunyai matlamat tersendiri dalam proses penciptaannya dan tidak hanya mencipta sekadar menghiasi halaman akhbar atau majalah sebaliknya puisi itu sendiri tercatat matlamatnya:



Perhubungan adalah matlamat puisi-puisiku. Cara aku membuat perhubungan dengan orang lain itu merupakan cara aku memperkenalkan diriku kepada mereka. Tak semestinya orang mengakui baik cara aku berkenalan itu.

(*Tan Sri Bulan*, 1976:xii)

5.0 Kesimpulan

Kajian tentang kepenyairan AGI menggunakan teori teksdealisme ini adalah berdasarkan keempat-empat prinsip iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan individualisme. Berdasarkan kajian ini AGI dapat dikategorikan sebagai penyair yang mencapai tahap keunggulan berdasarkan sifat-sifat unggul yang dimiliki pada karya Tri-V beliau. Puisi-puisi Tri-V beliau memiliki sifat-sifat unggul, kerana mematuhi prinsip kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keperibadian.

Beliau mengutarakan rencam pengalaman sebagai pustaka idea sehingga berjaya menukilkan karya yang bermutu. Ciri keberanian dan kebijaksanaan yang ditetapkan dalam teksdealisme turut menyerlah sehingga memperlihatkan ciri pembaharuan dari segi garapan idea, pemikiran, serta bentuk puisi. Keadaan ini juga menunjukkan yang penyair tersebut bersifat inovatif dan dinamik dalam berkarya.

Pemantapan dan penyempurnaan daripada sebuah puisi kepada sebuah puisi dilakukan oleh AGI dengan kemas dan penuh ketelitian bagi memperlihatkan sebuah teks yang kukuh. Keunggulan yang dimiliki penyair bermakna penyair mempunyai individualisme atau kepenyairan yang menyerlahkan jati diri dalam berkarya.

Secara keseluruhannya, kajian terhadap karya-karya Tri-V AGI dengan menggunakan teori teksdealisme memperlihatkan sifat-sifat unggul yang sekaligus mengungguli penyairnya. Keunggulan ini menyerlahkan kepenyairan atau gaya individualisme penyair dalam berkarya sehingga karya-karyanya dapat dikenali oleh pembaca mahupun penonton persembahan pendeklamasian puisi konkrit beliau.

Rujukan

Ali Ahmad. (1976). Melihat Hasil Kesusasteraan Sebagai Satu Entiti. *Dewan Sastera*. Mei: 42-43.

Abdul Ghafar Ibrahim. (1986). *Yang Yang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Ghafar Ibrahim. (1978). *Tak Tun*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu.

Abdul Ghafar Ibrahim. (1976). *Tan Sri Bulan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Kamal Abdullah. (1990). *Gagasan: Esei-esei Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Tahir. (1977). *Kumpulan Puisi-Puisi Hadiah Sastera 1971-1973: Satu Analisa Tema dan Struktur*. Kota Bharu: Nawi Book Store.



- Haslina Ahmad. (1989). Pengalaman Baca Puisi Ahmad Razali di Yugoslavia. *Mingguan Wanita*, September: 32.
- Hajjah Jais. (2006). *Novel-Novel Anwar Ridhwan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ismail Abdullah. (2006). AGI Peneroka dan Pengasas Puisi Eksperimen Malaysia. *Dewan Sastera*. Januari: 7.
- Mohammad Daud Mohammad. (1986). Kreativiti A. Ghafar Ibrahim. *Dewan Sastera*. November: 30.
- Mohd Rosli Saludin. (2007). *Seni Berpuisi*. Pulau Pinang: Goal Intelligent Publishing.
- Mana Sikana. (2009a). *Teori Sastera Kontemporari*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2009b). *Kritikan Sastera Melayu Moden*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (2006). *Teori Sastera Teksdealisme*. Selangor: Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mana Sikana. (1983). *Aliran dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Saipuddin Suliman. (2016). Penerapan Teori Stilistik dan Teksdealisme bagi Menganalisis Puisi Tri-V Abdul Ghafar Ibrahim. *Tesis Doktor Falsafah: Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Rajjee Abdul Hadi. (1998). Kepengarangan T. Alias Taib: Suatu Kajian Teksdealisme. *Tesis Sarjana, Jabatan Persuratan Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Rimke, H.D. (2000). Governing Citizens Through Self-Help Literature. *Journal Cultural Studies*.14(1), 61-78.
- Rahman Shaari. (2002). AGI yang Tidak Tunduk. *Dewan Sastera*. Februari: 16.
- Rohizani Yaakub. (1996). Drama-Drama Ismail Kassan : Satu Analisis Teksdealisme. *Tesis Sarjana, Jabatan Persuratan Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Shahnon Ahmad. (1994). *Pengalaman Ilmu Imajinasi dan Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S. Jaafar. (1986). Abdul Ghafar Ibrahim: Saya Dibebaskan oleh 3-V. *Dewan Sastera*. November: 21.
- Suliman, M. S., & Saludin, M. R. (2015). Konsep Tri-V dan Penyuburan Jati Diri Melayu dalam Puisi AGI. *Jurnal Peradaban Melayu*. 10, 42–52.



Umar Junus. (1981). *Perkembangan Puisi Indonesia dan Melayu Modern*. Jakarta: Penerbit
Bhratara Karya Aksara.

